

Karnival Sukan UMP-Media erat hubungan melalui aktiviti riadah

Jumaat (20/6/14)
UM (Pahang) m/s 27

KUANTAN 19 Jun - Lebih 100 warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan pengamal media di negeri ini menjayakan Karnival Sukan UMP-Media yang berlangsung di kompleks sukan universiti itu di sini baru-baru ini.

Karnival yang julung kali dianjurkan itu mempertandingkan empat acara sukan iaitu futsal, bola tampar, badminton dan ping-pong bagi merebut Piala Pusingan Naib Canselor UMP yang baharu diperkenalkan.

Majlis perasmian disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin.

Menurut Yuserrie, penganjuran karnival sukan itu merupakan salah satu usaha mengeratkan hubungan baik UMP dengan media melalui aktiviti riadah dan amalan gaya hidup sihat.

"Penganjuran ini merupakan julung kali diadakan dan berbeza dari tahun sebelumnya. UMP telah menganjurkan kejohanan baling bersama media yang berjaya dian-

jurkan sejak 2008 lagi," katanya ketika berucap dalam majlis perasmian karnival itu.

Yang turut hadir, Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA), Fadhil Mat Yahya dan Ketua Pusat Sukan, Mohd. Aznorizamin Ismail.

Turut sama Penolong Ketua Biro *Utusan Malaysia* Pahang, Mohd. Fairuz Yusof; Ketua Biro *Berita Harian* Pahang, Abdul Razak Raaf; Ketua Biro *Bernama* Pahang, Noor Shamsiah Mohamad dan Ketua Biro *News Straits Times* Pahang, Hamzah Jamaludin.

Karnival tersebut menyaksikan pasukan UMP dinobatkan juara apabila berjaya mengumpul sebanyak 145 mata berbanding pasukan media sebanyak 120 mata dalam acara futsal, bola tampar lelaki serta wanita dan ping-pong manakala pasukan media menang dalam acara badminton berpasukan dengan kiraan mata 6-5.

Hadiah kepada para pemenang disampaikan oleh Ketua Pejabat Naib Canselor, Abd. Rahman Safie.



WARGA kerja UMP dan pengamal media bergambar selepas Karnival Sukan UMP-Media di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang, Kuantan, baru-baru ini.